

GALAK WARGA S'PURA BERKELUARGA, RAMAI ANAK

Pakej perkahwinan dan keibubapaan akan disemak

Oleh **AZHAR MOHD**
azhar@sph.com.sg

PEMERINTAH akan menyemak dasar perkahwinan dan keibubapaan bagi menggalak warga Singapura berkeluarga dan mempunyai lebih ramai anak.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Teo Chee Hean, berkata selain menangani cabaran penduduk semakin tua, menggalak warga Singapura berkeluarga dan mempunyai lebih ramai anak menjadi keutamaan pemerintah.

Sejajar dengan usaha itu, pemerintah telah mengeluarkan Kertas Kajian yang menunjukkan lebih ramai warga Singapura memilih hidup membujang atau lambat berumah tangga walaupun pemerintah berusaha meningkatkan Pakej Perkahwinan dan Keibubapaan.

Pasangan yang telah berumah tangga juga memilih mempunyai anak pertama pada usia lebih tua dan tidak ramai anak.

► **Laporan lain 2**

"Asia kini mempunyai negara yang mempunyai warga tua yang tumbuh dengan pesat.

"Menjelang 2050, penduduk Jepun merosot 15 peratus berbanding 2010. Purata usia penduduknya akan meningkat daripada 44.7 tahun kepada 52.3 tahun dan peratusan penduduk

Mencipta sekitaran bagi menyokong warga Singapura berkeluarga dan mempunyai anak telah dan akan terus menjadi keutamaan pemerintah.

— **Timbalan Perdana Menteri, Encik Teo Chee Hean**

yang berusia lebih 60 tahun meningkat kepada 41.5 peratus.

"Singapura juga hadapi cabaran penduduk yang semakin tua. Menjelang 2030, purata usia penduduk akan meningkat daripada 39 kepada 47 tahun. Bilangan warga tua akan naik tiga kali ganda kepada 900,000.

"Mencipta sekitaran bagi menyokong warga Singapura berkeluarga dan mempunyai anak telah dan akan terus menjadi keutamaan pemerintah," jelas Encik Teo lagi.

Encik Teo yang juga Menteri Ehsan Dalam Negeri berkata demikian sewaktu Persidangan NUS Global Asia Institute Signature, semalam.

Beliau menjelaskan, Divisyen Penduduk dan Bakat Nasional (NPID) telah mengeluarkan Kertas Kajian mengenai trend perkahwinan dan keibubapaan.

"Saya telah meminta Divisyen Penduduk dan Bakat Nasional (NPID) menyemak dasar-dasar dan pelbagai langkah bagi menyokong warga Singapura berumah tangga dan mempunyai anak," ujar Encik Teo lagi.

Beliau juga mengajak warga mengemukakan saranan bagaimana pemerintah boleh tingkatkan lagi selantaran prokeluarga.

Encik Teo menjelaskan bahawa pemerintah telah melaksanakan pelbagai langkah bagi menggalak warga Singapura berkeluarga dan mempunyai lebih ramai anak.

Sejak dilaksanakan pada 2001, Pakej Perkahwinan dan Keibubapaan telah memberi manfaat kepada keluarga sekitar 350,000 kanak-kanak. Pakej yang disemak pada 2008 itu menawarkan \$1.6 bilion setiap tahun.

Antara lain, ibu bapa yang mempunyai anak pertama boleh menikmati Rebat Cukai Keibubapaan (PTR) sebanyak \$5,000. PTR turut dihuaskan kepada anak kelima dan seterusnya.

Akaun Pembangunan Kanak-Kanak (CDA) pula dihuaskan kepada anak pertama, kelima dan seterusnya.

Sebelum ini, PTR dan CDA diberi hanya bagi anak kedua, ketiga dan keempat.